

# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Dalam bab ini, saya akan memperkenalkan kajian saya khususnya tentang bidang laras bahasa dan juga membincangkan objektif dan kepentingan kajian seumpama ini.

### **1.1 BIDANG KAJIAN DAN BATASAN KAJIAN**

Analisis laras merupakan satu kajian yang berbentuk sosiolinguistik. Bidang ini menekankan aspek ciri-ciri bahasa dan hubungannya dengan situasi komunikasi daripada mesej yang ingin disampaikan. Pengkaji akan melihat sesuatu variasi bahasa yang digunakan dari sudut pengguna bahasa dan penggunaan, kebudayaan dan juga antara bahasa dan masyarakat. Penggunaan variasi bahasa yang pelbagai membolehkan penutur bahasa menyesuaikan diri antara satu sama lain. Keadaan ini adalah perlu bagi memudahkan sesuatu konsep yang ingin disampaikan diterima oleh pengguna bahasa dengan tepat dan padat.

Fishman (1976:217) telah menjelaskan sosiologi seperti berikut:

The sociology of language examines the interaction between these two aspects of human behavior: use of language and the social organization of behavior.

Sosiologi bahasa mengkaji interaksi antara dua aspek tingkah laku manusia iaitu penggunaan bahasa dan organisasi sosial mengenai tingkah laku. Ini bermakna sosiologi bahasa memberi tumpuan kepada semua topik yang berkait dengan organisasi sosial untuk tingkah laku bahasa, bukan sahaja meliputi penggunaan bahasa tetapi juga sikap bahasa dan tingkah laku nyata terhadap bahasa dan terhadap pengguna-pengguna bahasa.

Menurut Fishman lagi, sosiologi bahasa ini terdiri daripada bahagian sosiologi bahasa deskriptif iaitu berusaha menjawab soalan 'siapa penutur (atau penulis) bahasa apa (atau ragam bahasa apa) kepada siapa, dan bila serta untuk apa?' yang mengemukakan norma-norma penggunaan bahasa. Dengan perkataan lain, bahasa deskriptif membincangkan pola penggunaan bahasa sosial serta tingkah laku dan sikap terhadap bahasa khususnya untuk rangkaian sosial dan masyarakat tertentu sama ada saiz kelompok masyarakat yang besar mahupun kecil.

Bahagian yang satu lagi iaitu sosiologi bahasa dinamik pula cuba menjawab persoalan 'apakah yang menyebabkan perubahan pada kadar penggunaan bahasa yang berlainan dalam organisasi sosial dan tingkah laku terhadap bahasa?' Bahasa dinamik juga menerangkan mengapa dan bagaimana penggunaan bahasa dan tingkah laku terhadap bahasa dipilih dalam sesebuah rangkaian sosial atau masyarakat walaupun dalam dua situasi yang berbeza-beza. Jadi, sosiologi bahasa ialah bidang yang mengkaji ciri ragam bahasa, ciri fungsi-fungsinya dan ciri penuturnya kerana ketiga-tiga ini sentiasa saling berhubung, berubah dan bertukar antara satu sama lain dalam dan juga antara masyarakat bahasa.

Menurut Ervin-Tripp (1976:16), beliau mentakrifkan sosiolinguistik sebagai:

... studies of the components of face-to-face interaction as they bear on, or are affected by, the formal structure of speech. These components may include the personnel, the situation, the function of the interaction, the topic and message and the channel.

Menurut Ervin-Tripp, sosiolinguistik boleh didefinisikan sebagai kajian terhadap komponen-komponen yang terdapat dalam interaksi langsung ataupun perbualan formal atau tidak. Komponen-komponen yang dimaksudkan di sini termasuklah kumpulan pengguna bahasa, situasi, fungsi interaksi, topik perbualan, mesej yang ingin disampaikan dan alat saluran yang digunakan.

Selain itu, Fishman (1968:5) juga menerangkan konsep sosiolinguistik sebagai:

... sociolinguistics as a whole (the study of the relationship between the linguistic repertoire and its range, compartmentalization, access, and fluidity, on the one hand, and the social role repertoire and its range, compartmentalization, access, and fluidity within speech communities, on the other hand) ...

Beliau mentakrifkan sosiolinguistik sebagai hubungan antara linguistik dan peranan sosial yang berkaitan ciri-ciri, batasan-batasan, penilaian-penilaian dan hubungan komuniti penutur.

Menurut beliau lagi, linguistik pula merangkumi prinsip batasan iaitu satu populasi biasanya mengawal beberapa sistem variasi atau kepelbagaian (sama ada laras bahasa, dialek atau bahasa) secara keseluruhan dan kepelbagaian ini akan mempengaruhi antara satu sama lain secara sistematik.

Kesimpulannya, batasan kajian analisis laras ini hanya terhad pada aspek penggunaan variasi bahasa yang tertentu dalam konteks tertentu oleh kumpulan masyarakat yang tertentu sahaja. Bidang kajian saya hanya tertumpu kepada penggunaan laras bahasa Melayu yang meliputi aspek laras ekonomi.

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan ditetapkan objektifnya bergantung kepada pengkaji bahasa itu sendiri. Bagi saya, sebagai seorang pengkaji laras bahasa, terdapat beberapa objektif utama yang ingin saya utarakan. Antaranya:

- a) mengenal pasti istilah yang khusus digunakan dalam laras ekonomi,
- b) menentukan kekerapan penggunaan istilah atau laras bahasa dalam data yang dikaji,
- c) memastikan laras (kategori perkataan) yang paling popular digunakan masa kini,
- d) mengenal pasti proses pembentukan kata yang terlibat dalam istilah yang dikaji,
- e) mengenal pasti golongan kata bagi istilah yang dikaji, dan
- f) mengenal pasti istilah pinjaman dan istilah bukan pinjaman dalam korpus kajian.

Kajian analisis laras ini merupakan suatu kelebihan kepada penutur semasa berinteraksi dengan orang lain dalam sebarang situasi sosial. Penutur akan lebih arif dalam pertuturan dan dapat menyampaikan luahan hati dengan lebih tepat dan jelas. Penggunaan laras bahasa yang pelbagai akan menentukan kemajuan sesuatu bahasa itu. Ini bererti sesuatu bahasa itu setanding dengan bahasa lain yang mampu menggerakkan sesuatu situasi sosial itu. Penutur akan tahu menggunakan laras bahasa yang

bersesuaian dengan konteks yang dihadapi. Ini mendatangkan kebaikan kepada kedua-dua pendengar dan penutur.

Kajian seumpama ini juga dapat memperkembangkan serta memantapkan sesuatu bahasa itu. Ini penting kerana bahasa amat penting dalam sesuatu kelompok manusia dalam pelbagai bidang. Manusia atau penutur dapat menggunakan laras bahasa yang pelbagai dalam pelbagai situasi, tujuan dan maksud. Kepelbagaian laras bahasa ini bukan sahaja dapat meningkatkan daya pemahaman pendengar malah juga dapat mengukuhkan daya penyampaian para penutur.

Kajian analisis laras bahasa ini juga penting dalam pendidikan negara kita, Malaysia. Seperti yang kita ketahui, pelbagai mata pelajaran diperkenalkan dalam sistem pendidikan negara kita dan adalah perlu bagi para pendidik menggunakan pelbagai jenis laras bahasa untuk menyampaikan maklumat dengan lebih tepat dan jelas berdasarkan bidang yang diceburi. Misalnya, seorang guru akan menggunakan laras ekonomi semasa dalam pengajaran mata pelajaran ekonomi Tingkatan Enam dan bukannya laras sastera bagi meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran dalam sistem pendidikan negara kita. Ini juga seterusnya dapat membantu para pelajar lebih memahami apa yang seharusnya dipelajari dan dapat berkomunikasi dengan lebih berkesan.

Penggunaan laras bahasa yang pelbagai ini membuktikan pengguna sesuatu bahasa itu sedar akan situasi-situasi sosial yang berlainan wujud di sekitar mereka. Kesedaran pengguna bahasa ini seterusnya dapat membantu mereka menggunakan laras bahasa yang paling sesuai dalam situasi tertentu supaya maklumat yang ingin disampaikan dan bakal diterima oleh pendengar tepat dan jelas. Jadi, kekaburan makna tidak akan berlaku antara penutur bahasa.

Seperti apa yang kita ketahui, bahasa itu sendiri bersifat global iaitu sebagai penyampai maklumat, pernyataan fikiran, tanda kelompok manusia tertentu, jalinan persefahaman antara kumpulan sosial dan seumpamanya. Jadi, adalah perlu bagi sesebuah laras bahasa yang pelbagai wujud dalam sesuatu bahasa itu supaya memenuhi sifat-sifat global sesuatu bahasa itu. Sekiranya sesuatu bahasa itu hanya terdiri daripada beberapa laras sahaja, maka adalah sukar untuk penutur bahasa untuk menyampaikan pernyataan fikirannya dengan lebih tepat dan berkesan. Ini akan menjejaskan pemahaman para pendengar dan ini seterusnya akan menjejaskan perhubungan antara sesebuah kelompok manusia dengan yang lain.

Kajian seumpama ini juga dapat mengelakkan daripada terjadinya ketidaktepatan penggunaan laras bahasa antara penutur bahasa. Keadaan ini amat berleluasa di kalangan penutur bukan ahli sesuatu bahasa itu. Mereka sering menggunakan perkataan yang tidak sesuai dan tidak dapat membezakan antara laras yang paling sesuai digunakan dalam aktiviti harian mereka. Ini seterusnya menimbulkan kekeliruan antara pengguna bahasa.